

**MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG**

ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR, 4 JUN 1994

Dengan hormat dan penuh takzimnya pihak Kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan rakyat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku sempena Ulangtahun Keputeraan Rasmi Tuanku hari ini. Rakyat sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayah-Nya ke atas Tuanku dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah, dan semoga kedua-dua Tuanku berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan.

2. Sesungguhnya adalah menjadi harapan Kerajaan dan rakyat semoga Tuanku dapat menjalankan tugas-tugas Tuanku sebagai Yang Di-Pertuan Agong dengan penuh adil dan saksama dan juga mengikut lunas-lunas undang-undang dan peruntukan Perlembagaan demi untuk mempertingkatkan lagi imej Tuanku dalam konteks negara Malaysia yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

3. Sebagai Yang Di-Pertuan Agong Tuanku adalah simbol kemegahan, keutuhan dan perpaduan negara dan di bawah naungan Tuanku rakyat berbagai-bagai kaum mengharapkan perlindungan dan pemerintahan yang adil. Sebagai seorang Kepala Utama Negara bagi Persekutuan, Tuanku adalah faktor penting dalam menyatupadukan rakyat. Sesungguhnya di bawah naungan Tuanku rakyat juga bergantung kepada Tuanku dalam menguruskan hal-hal ehwal agama Islam seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Kerajaan percaya penglibatan Tuanku di dalam aktiviti-aktiviti keagamaan akan menyinarakan lagi agama Islam dan memberi teladan yang baik kepada rakyat dalam menghayati nilai-nilai agama demi kesejahteraan dan keharmonian hidup mereka.

4. Syukur alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala negara terus berada dalam keadaan aman dan makmur. Keadaan aman damai dan suasana tenang ini bukanlah satu perkara kebetulan. Ianya adalah hasil usaha gigih rakyat berbilang kaum yang sentiasa berusaha untuk mengekalkan perpaduan dan persefahaman yang erat di antara satu sama lain demi menjamin negara akan tetap stabil dan aman.

5. Rakyat kini lebih sedar akan pentingnya mereka hidup bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain. Peristiwa perbalahan kaum dan agama di beberapa negara di luar negeri yang telah mengorbankan banyak nyawa dan kemusnahan harta benda tentulah menyedarkan rakyat Malaysia akan betapa pentingnya mengekalkan perpaduan kaum. Rakyat sedar bahawa persengketaan antara kaum akan hanya menyusah dan merugikan mereka dan negara. Justeru itu, rakyat sentiasa berusaha

dengan penuh keazaman ke arah memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian di kalangan mereka.

6. Syukur alhamdulillah juga bahawa negara terus mengalami pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Kejayaan negara mencatat kadar pertumbuhan lebih lapan peratus setahun berturut-turut buat enam tahun yang lepas adalah satu kejayaan yang besar. Lebih membanggakan pertumbuhan pesat ini dicapai dengan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil. Bagi menentukan pendapatan rakyat tidak terjejas oleh inflasi, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengawal kenaikan harga. Prestasi ekonomi yang menggalakkan ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak -- rakyat, pekerja, sektor swasta dan Kerajaan.

7. Pelaburan sektor swasta adalah antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi membolehkan ianya terus menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi, sektor swasta perlulah lebih dinamik dan agresif dalam menerokai pasaran-pasaran baru di samping meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti demi memperbaiki lagi daya saingan mereka. Sektor swasta tidak harus lagi melihat prospek pelaburan di dalam negeri sahaja, malah demi faedah jangka panjang, perlu membuat pelaburan di luar negeri. Di pihaknya Kerajaan akan berusaha sedaya upaya mewujudkan iklim perniagaan yang sesuai untuk perniagaan dan pelaburan. Langkah-langkah telah pun diambil bagi memperbaiki dan memodenkan sistem infrastruktur seperti pelabuhan dan bekalan elektrik bagi mengatasi segala halangan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha.

8. Jika Malaysia dapat meningkatkan lagi 'competitive advantagenya', negara akan terus mencapai kejayaan yang lebih besar. Kini Malaysia berada di tingkat ke-19 antara negara-negara dagangan di dunia. 'Competitive edge' yang ada kepada kita ialah kos buruh yang rendah. Oleh itu adalah amat perlu kos buruh dipastikan tidak meningkat tetapi pendapatan mereka meningkat melalui kenaikan produktiviti. Sudah ada cubaan oleh Barat untuk menghapuskan 'competitive advantage' kita melalui kenaikan upahan ke paras yang tinggi.

9. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat Malaysia akan terus memainkan peranan yang berkesan di peringkat antarabangsa. Negara akan terus menyuarakan pandangan dan pendapatnya dengan terus terang dan berani demi keadilan. Suara lantang Malaysia di forum-forum antarabangsa bukanlah bertujuan untuk menonjolkan diri, tetapi adalah kerana kita berpegang kepada prinsip. Malaysia akan terus menentang ketidakadilan, kekejaman dan usaha-usaha mengilas tangan atau 'arm twisting' ke atas negara-negara yang lemah. Selaras dengan prinsip kita untuk menyumbang kepada keamanan antarabangsa, Malaysia juga telah menghantar anggota-anggota

keselamatannya bertugas di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina, Somalia dan Kemboja.

10. Sempena ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku, sukalah Kerajaan memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan dan ahli-ahli Jemaah Menteri akan berusaha sedaya upaya membantu Tuanku berdua dalam menjalankan tugas-tugas sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong selaras dengan kehendak-kehendak dan prinsip sistem Raja Berperlembagaan. Kerajaan yakin di bawah naungan Tuanku negara Malaysia akan terus stabil, maju dan makmur.

11. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, Kerajaan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan rakyat keseluruhannya, dengan penuh hormat dan takzimnya menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.